

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	3/5/2021	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Artifak tinggalan British di Taman Negara

Utusan Malaysia 3/5/2021 m/s 32

Oleh HARISS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamulla.com.my

JERANTUT: Penjajahan British di negara ini bukan sahaja mengamalkan dasar pecah dan perintah berasaskan dominasi cengkaman ekonomi dan sosial, tetapi turut meninggalkan artifak di merata tempat.

Di Pahang, penemuan bangkai kapal peninggalan British pada sekitar 1820-an di Sungai Lipis berdekatan Penjom, Lipis pada bulan Januari lalu merupakan antara artifak negara Union Jack itu membuktikan legitimasi kuasa penjajah tersebut di negeri ini.

Sebuah lagi artifak dalam era kolonial British menjadi bahan bukti kesan penjajahan Inggeris di Pahang, iaitu alat pemecah batu ataupun *stone breaker* di Taman Negara Kuala Tahan dekat sini.

Peralatan logam pemecah batu itu terbiar berdekatan jeti pelancong di pintu masuk Muthara Resort Taman Negara (MRTN) sememangnya sinonim dengan penduduk tempatan, tetapi jarang 'diktisahkan' kerana rata-rata mereka tidak tahu membuat deskripsi nilai sejarah.

Menyerusi catatan pada alat tersebut, pembuatnya ialah seorang jurutera British, W.H. Baxter dari syarikat Baxter and Co of Albion Street, Leeds, England.



PANDANGAN dari hadapan alat pemecah batu yang ditinggalkan oleh orang Inggeris di Taman Negara Kuala Tahan di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARISS FADILAH AHMAD

Peralatan dalam bidang kejuruteraan itu berkemungkinan dibawa 'belayar' dari England sekitar 1930-an atau beberapa tahun kemudian ke negara ini selepas tamat Perang Dunia Pertama.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung (JKKK) Kuala Ta-

han, Abdul Jalil Abd. Rahman berkata, peralatan logam itu mungkin dibawa oleh jurutera berbangsa Inggeris ke Taman Negara selepas mula dibuka pada 1938/1939 atau selepas tarikh itu.

"Menyerusi sedikit maklumat daripada orang-orang tua di sini, alat ini digunakan untuk memecah (penghancuran)

batu dan pengadun bahan konkrit dalam bidang kejuruteraan pembinaan.

"Difahami orang Inggeris yang bermukim di sini ketika awal pembukaan taman ini cuba membina sebuah bangunan batu di laluan sebelum sampai puncak Gunung Tahan, iaitu sebuah tempat dikenali sebagai Gunung Padang," katanya.